

MALAYSIA DAN INDEKS KEMAKMURAN DUNIA



MOHD. MAHZAN AWANG

DUNIA global hari ini telah menyaksikan pelbagai bentuk ukuran bagi menentukan pencapaian sesebuah negara. Terdapat trend yang cukup jelas di peringkat antarabangsa dalam membuat penarafan pencapaian sesebuah negara menerusi indikator tertentu.

Penilaian secara tradisional yang lazimnya banyak memfokuskan kepada keupayaan ekonomi sesebuah negara mula dicambahkan dengan indikator-indikator baharu yang melewati dimensi ekonomi semata-mata.

Maka, pelbagai bentuk indeks dibangunkan oleh pelbagai institusi profesional, termasuklah Indeks Kemakmuran Negara. Terdapat 10 negara paling makmur berdasarkan indeks ini iaitu Norway, Switzerland, Denmark, New Zealand, Sweden, Kanada, Australia, Netherlands, Finland dan Ireland. Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) masing-masing tersenarai di kedudukan ke-11 dan 15. Brunei dan Myanmar tidak tersenarai dalam indeks ini.

Indeks ini telah meletakkan kemakmuran Malaysia di tangga yang ke-44 daripada 142 negara di dunia pada 2015. Ini adalah satu peningkatan satu tangga selepas tersenarai di tangga ke-45 pada tahun 2014.

Penarafan di tangga tersebut adalah satu pengiktirafan baik dan positif kepada Malaysia kerana dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global serta isu-isu ekonomi domestik, pencapaian negara dari segi kemakmuran boleh dibanggakan.

Malahan, Malaysia juga tersenarai sebagai negara kedua paling makmur di rantau Asia Tenggara selepas Singapura. Malaysia mengatasi negara Asia Tenggara lain seperti Thailand (tangga ke-44), Vietnam (ke-55), Indonesia (tangga ke-66), dan Filipina (ke-74).

Dimensi	Ekonomi		Keusahawanan		TadbirUrus		Pendidikan		Kesihatan		Keselamatan	
	Dunia	Asia Tenggara	Dunia	Asia Tenggara	Dunia	Asia Tenggara	Dunia	Asia Tenggara	Dunia	Asia Tenggara	Dunia	Asia Tenggara
Singapura	1	1	12	1	13	1	15	1	14	1	12	1
MALAYSIA	28	3	40	2	37	2	51	2	52	2	60	2
Thailand	15	2	66	3	56	4	69	4	54	3	88	6
Vietnam	32	4	64	4	59	5	57	3	90	4	68	4
Indonesia	39	5	90	6	78	7	78	6	93	5	70	5
Filipina	59	6	78	5	55	3	76	5	95	6	122	8
Laos	68	7	106	7	75	6	101	7	106	7	63	3
Kemboja	80	8	111	8	79	8	108	8	104	8	97	7

KEDUDUKAN Malaysia berdasarkan Indeks Kemakmuran Negara 2015. - SUMBER INSTITUT LEGATUM, UNITED KINGDOM

Indeks tersebut meletakkan kemakmuran ekonomi Malaysia pada tahap yang memberangsangkan apabila tersenarai di tangga ke-28 terbaik dunia, mengatasi Indonesia (tangga ke-39) dan Filipina (tangga ke-59).

Indeks yang dikeluarkan oleh Institut Legatum yang beribu pejabat di London ini dibangunkan berdasarkan lapan dimensi utama iaitu kestabilan ekonomi sesebuah negara, tingkatan keusahawanan serta peluang yang ada, tadbir urus (*governance*), pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebebasan individu, dan modal sosial.

Indeks tersebut meletakkan kemakmuran ekonomi Malaysia pada tahap yang memberangsangkan apabila tersenarai di tangga ke-28 terbaik dunia, mengatasi Indonesia (tangga ke-39) dan Filipina (tangga ke-59).

Pencapaian kemakmuran ekonomi Singapura amat menakjubkan apabila negara itu telah tersenarai di tempat pertama sebagai negara

paling makmur dari segi ekonominya mengalahkan AS (tangga ke-19), UK (tangga ke-19) dan Jepun (tangga ke-19) dan Republik Korea (tangga ke-17).

Keadaan ini pada hakikatnya satu peluang baik kepada Malaysia sebagai negara jiran kerana secara logiknya Singapura berusaha untuk memastikan kestabilan rantau ini demi kelestarian kemakmuran negara.

Malah, limpahan ekonomi negara berjiran memberi peluang kepada rakyat dalam negara terutamanya dengan bercambahnya pusat pengajian tinggi yang melahirkan ramai modal insan berkualiti.

Walaupun kemakmuran ekonomi Malaysia tersenarai sebagai negara ke-28, kemakmuran keusahawanan dan peluang perniagaan berada di tangga ke-40, namun, jika dibandingkan dengan Thailand, Indonesia, Kemboja, Vietnam dan Laos, pencapaian Malaysia dari aspek ini adalah memberangsangkan.

Kemakmuran Malaysia dari segi tadbir urus (tangga ke-37 dunia), pendidikan (tangga ke-51 dunia), kesihatan (tangga ke-52 dunia), keselamatan (tangga ke-60 dunia) dan modal sosial (tangga ke-33 dunia) berada pada tahap yang baik.

Menariknya di sini adalah apabila data menunjukkan bahawa kemakmuran Malaysia dalam aspek tadbir urus, pendidikan, kesihatan dan keselamatan tersenarai di tangga kedua di Asia Tenggara.

Negara Asia Tenggara yang dilihat menghampiri Malaysia berdasarkan indeks ini adalah Thailand dan Vietnam. Negara-negara ini sebenarnya berada dalam satu rantau geografi berjiran yang memberitahu bahawa kestabilan dan kemakmuran mempunyai satu rangkaian yang tersendiri. Maka, rantau ini perlu makmur dan perlu direncanakan dengan rapi agar lebih lestari.

Biarpun Ari Armstrong (2012) mengkritik bahawa wujud masalah dengan metodologi yang digunakan untuk pembinaan Indeks Kemakmuran Legatum, amnya indeks ini telah menjadi rujukan meluas sama dalam bidang pendidikan mahupun rujukan kepada pelaburan.

Hakikatnya, penarafan Malaysia oleh Institut Legatum ini boleh diterima pakai malah amat penting kerana dilakukan secara saintifik serta ilmiah.

Tambahan pula, indeks ini boleh dilayari dalam media Internet secara terbuka sekali gus berpotensi menjadi wadah penting dalam memberi keyakinan untuk pelaburan dan kehidupan.

Usaha yang lebih amat perlu dilakukan agar statistik yang dikeluarkan ini benar-benar memberi makna kepada kehidupan sebenar setiap rakyat di negara ini.

DR. MOHD. MAHZAN AWANG ialah Pensyarah Kanan Sosiologi Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).